



Terma & Syarat: Kempen Maybank Petronas 'FUEL UP & DRIVE IN LUXURY' 2025

Maybank Petronas 'FUEL UP & DRIVE IN LUXURY' 2025 ("Kempen") dianjurkan oleh Maybank Banking Berhad (No. Pendaftaran 196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (No. Pendaftaran 200701029411) (secara kolektif dirujuk sebagai "**Maybank**") dan akan tertakluk kepada terma dan syarat ("**Terma dan Syarat**").

Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad Yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini dan keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat.

1. Tempoh Kempen

Kempen ini bermula pada **1 Mei 2025**, pada jam 00:00:00 AM MYT dan berakhir pada **31 Julai 2025**, pada jam 23:59:59 PM MYT, termasuk kedua-dua tarikh tersebut, melainkan diberitahu sebaliknya ("**Tempoh Kempen**").

2. Kelayakan

2.1 Kempen ini terbuka kepada semua ahli Kad Utama yang baharu dan sedia ada bagi kad-kad berikut yang dikeluarkan oleh Maybank :

- i. Kad Kredit PETRONAS Visa Platinum Maybank; dan/atau
- ii. Kad Kredit PETRONAS Visa Gold Maybank; dan/atau
- iii. Kad Kredit-i PETRONAS Visa Platinum Ikhwan Maybank Islamik; dan/atau
- iv. Kad Kredit-i PETRONAS Visa Gold Ikhwan Maybank Islamik.

Kad-kad yang disebutkan di atas dirujuk sebagai "**Kad Kredit/-i(s) Petronas Visa Maybank**".

2.2 Untuk menyertai Kempen ini, Ahli Kad Utama hendaklah mendaftar sekali menerusi perkhidmatan pesanan ringkas ("**SMS**") mengikut Klausa 3 Terma dan Syarat ini.

2.3 Pekerja tetap dan kontrak Maybank (selain daripada Jabatan Pemasaran Kad Maybank dan Jabatan Pemasaran Kad Serantau Maybank) dan/atau vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi untuk Kempen adalah layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini dan berpeluang memenangi Hadiyah (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 6 di bawah).



- 2.4 Orang yang berikut **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
- i. Ahli Kad yang status akaun Kad Maybanknya tertunggak, digantung, dibatalkan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Perjanjian Kad Maybank semasa Tempoh Kempen;
 - ii. Ahli Kad yang ingkar terhadap sebarang fasiliti yang diberi oleh Maybank pada bila-bila masa;
 - iii. Pemegang Kad Komersial/ Korporat Maybank;
 - iv. Pemegang Kad Debit Maybank dan/atau Kad Prabayar Maybank; dan
 - v. Pekerja tetap dan/atau kontrak Jabatan Pemasaran Kad Maybank Malaysia dan Jabatan Pemasaran Kad Serantau Maybank.
- 2.5 Ahli Kad Utama yang memenuhi kriteria yang dinyatakan di atas selepas ini dirujuk sebagai **“Ahli Kad Yang Layak”**.

3. Pendaftaran SMS

- 3.1 Bagi melayakkan diri menyertai Kempen ini, Ahli Kad Yang Layak dikehendaki mendaftar sekali melalui SMS menggunakan nombor telefon berdaftar dengan mana-mana syarikat telekomunikasi yang berdaftar (**“Telco”**), halaman Kempen di laman web Maybank2u, atau saluran lain yang mungkin diperkenalkan Maybank dari semasa ke semasa yang dinyatakan melalui bahan pemasaran yang dihantar atau diterbitkan kepada Ahli Kad sepanjang Tempoh Kempen (**“Pendaftaran”**). Pendaftaran melalui SMS hendaklah dihantar seperti berikut:

SMS: FUELUP<jarak>YES kepada 66628 (Contoh FUELUP)

- 3.2 Ahli Kad Yang Layak yang mempunyai beberapa Kad Kredit/-i(s) Petronas Visa Maybank hanya perlu mendaftar sekali sahaja dalam Tempoh Kempen.
- 3.3 Ahli Kad Yang Layak mesti mendaftar penyertaan mereka untuk Kempen ini menggunakan nombor telefon yang telah didaftar dengan Maybank dan pendaftaran berganda menggunakan nombor telefon yang sama tidak akan diterima. Sekiranya maklumat yang diberikan oleh Ahli Kad Yang Layak tidak sama dengan rekod dalam pangkalan data Maybank, maka Maybank berhak menolak Pendaftaran tersebut.
- 3.4 Ahli Kad Yang Layak bertanggungjawab untuk membayar caj SMS biasa yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan Telco masing-masing untuk setiap Pendaftaran SMS yang dihantar kepada nombor yang yang ditetapkan iaitu “66628” bagi tujuan Kempen ini.



- 3.5 Ahli Kad Yang Layak bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan butiran dalam Pendaftaran SMS yang dihantar ke "66628" adalah lengkap, tepat dan dalam Tempoh Kempen. Jika gagal, Pendaftaran dianggap tidak sah atau tidak berjaya.
- 3.6 Pembatalan dan/atau apa-apa perubahan yang dibuat selepas Pendaftaran yang telah berjaya dihantar ke "66628" tidak akan dilayan.
- 3.7 Bukti SMS yang dihantar ke "66628" oleh Ahli Kad Yang Layak tidak akan dianggap sebagai Pendaftaran SMS Berjaya. Pendaftaran SMS hanyalah berjaya apabila Ahli Kad Yang Layak menerima SMS pengesahan dari "66628" dan SMS pengesahan tersebut akan dihantar kepada nombor telefon yang telah digunakan untuk Pendaftaran tersebut, tertakluk kepada aliran SMS di rangkaian Telco masing-masing. SMS pengesahan dikeluarkan secara automatik untuk mengesahkan penerimaan Pendaftaran yang berjaya dan tidak boleh dianggap sebagai pemberitahuan bahawa Ahli Kad Yang Layak telah disahkan sebagai Pemenang.
- 3.8 Maybank berhak menolak mana-mana Pendaftaran yang dihantar ke "66628" disebabkan perkara-perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada pendaftaran berganda, format SMS salah, penghantaran SMS tidak berjaya atau tertangguh semasa Tempoh Kempen dan Maybank tidak boleh, dalam apa-apa cara, bertanggungan dan/atau bertanggungjawab ke atas penolakan tersebut.
- 3.9 Maybank tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai apa-apa kawalan walau apa-apa pun ke atas aliran SMS, kegagalan dan/atau gangguan rangkaian berkemungkinan bagi pihak Telco masing-masing atau penyedia perkhidmatan SMS Maybank atau untuk sebab-sebab lain walau apa-apa pun semasa proses Pendaftaran dihantar ke "66628" Atau Pengesahan SMS yang dihantar dari "66628" kepada Ahli Kad Yang Layak yang boleh menyebabkan kelewatan Pendaftaran semasa Tempoh Kempen.
- 3.10 Perkhidmatan SMS disediakan dan disokong oleh penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Maybank.

4. Mekanisme dan Syarat Kempen

- 4.1 Setelah pendaftaran SMS berjaya, Ahli Kad Yang Layak dikehendaki membuat perbelanjaan minimum RM50 dalam satu transaksi sama ada di dalam dan/atau luar negara, menggunakan Kad Kredit/-i(s) Petronas Visa Maybank mereka, untuk melayakkan diri dan memperoleh penyertaan (**"Perbelanjaan Kelayakan"**).



4.2 Kriteria Layak untuk Hadiah Utama dan Hadiah Pertama

Jumlah Penyertaan	Kriteria Kelayakan
15X	Kad Kredit/-i(s) Petronas Visa Maybank yang baru diluluskan
5X	Setiap perbelanjaan RM50 dalam satu transaksi di dalam dan/atau luar negara

4.3 Kriteria Layak untuk Hadiah Istimewa

Jumlah Penyertaan	Kriteria Kelayakan
Tambahan 5X	Setiap perbelanjaan RM50 dalam satu transaksi di dalam dan/atau luar negara

Tambahan 5X penyertaan **HANYA** untuk transaksi pertama bagi kategori berikut:

- Ahli Kad Yang Layak yang mengaktifkan semula kad Kredit/Kad-i Maybank Petronas Visa mereka dalam Tempoh Kempen; dan
- Ahli Kad Yang Layak yang tidak mempunyai rekod perbelanjaan terdahulu di mana-mana stesen Petronas.

5. Penyertaan Layak

5.1 Keperluan Perbelanjaan Layak untuk mendapatkan penyertaan (“Penyertaan Layak”) untuk memenangi Hadiah adalah seperti berikut:

Perbelanjaan Layak	<ul style="list-style-type: none"> ○ Stesen Petronas ○ Pembelian dalam talian dan runcit ○ Perbelanjaan menggunakan e-Dompet di aplikasi SETEL
Perbelanjaan/Transaksi yang dikecualikan untuk Pernyataan Layak	<ul style="list-style-type: none"> ○ Badan Kerajaan ○ Badan Kebajikan ○ Tambah nilai e-dagang ○ Utiliti ○ Perbelanjaan menggunakan e-Dompet selain di aplikasi SETEL ○ Pembelian petrol selain di stesen Petronas



- 5.2 Perbelanjaan Layak akan merangkumi pembelian runcit dan dalam talian yang dilakukan secara tempatan dan antarabangsa, Auto PayBills, tambah nilai automatik untuk Maybank Touch n' Go Zing Kad, Pelan Ansuran 0% EzyPay/-i (**"EzyPay/-i"**) yang dilakukan melalui Kad Kredit/Kad-i Maybank Petronas Visa semasa Tempoh Kempen berdasarkan masa transaksi tempatan dan Penyertaan Kelayakan akan diagihkan mengikut Klausus 5.4 Untuk mengelakkan keraguan, EzyPay/-i akan dianggap sebagai Perbelanjaan Layak berdasarkan jumlah transaksi penuh, dan semua urus niaga luar negara dalam mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia (RM) mengikut kadar pertukaran dalaman Maybank yang telah berkuat kuasa.
- 5.3 Perbelanjaan Layak tidak akan merangkumi ansuran bulanan EzyPay/-i, EzyPay/-i Plus, pendahuluan tunai, pindahan baki, pindahan dana, baki tertunggak, pembalikan, yuran dan caj yang dikenakan oleh Maybank.
- 5.4 Ahli Kad Yang Layak mesti berbelanja sekurang-kurangnya satu (1) transaksi di mana-mana stesen Petronas sepanjang Tempoh Kempen. Berikut adalah senario perbelanjaan untuk mendapatkan Penyertaan Layak.
- 5.4.1 Senario 1 – Perbelanjaan Ahli Kad Yang Layak di Petronas dan kategori lain menggunakan Kad Kredit/-i(s) Petronas Visa Maybank.

Transaksi	Jumlah Transaksi (RM)	5X Penyertaan	Jumlah Penyertaan Layak
Petronas	100.00	2	10
Aeon Supermarket	150.00	3	15
Shell	70.00	-	-
Hotel Hilton	730.00	14	70
e-Dagang Touch 'n Go	30.00	-	-
Kafe Mesra via SETEL app	75.00	1	5
Shopee	89.00	1	5
Jumlah	1,244.00	21	105

- 5.4.2 Senario 2 – Perbelanjaan Ahli Kad Yang Layak di jenama Petrol lain dan kategori lain menggunakan Kad Kredit/-i(s) Petronas Visa Maybank.

Transaksi	Jumlah Transaksi (RM)	5X Penyertaan	Jumlah Penyertaan Layak
Caltex	100.00	-	-
iSetan	550.00	11	55

Guardian	110.00	2	10
Shell	90.00	-	-
Machines	3,999.00	79	395
Jumlah	4,849.00	92	460

6. Hadiah

6.1 Hadiah Utama & Hadiah Pertama

Kategor Hadiah	Hadih	Jumlah Pemenang
Hadih Utama	Mercedes-Benz A Class Sedan	1
Hadih Pertama	Kad Hadiah Petronas bernilai RM3,000	15

6.2 Hadiah Istimewa

Bulan	Tempoh Kempen	Hadih Bulanan	Jumlah Pemenang
1	1 Mei – 31 Mei 2025	RM10 SETEL Baucar	2,700
2	1 Jun – 30 Jun 2025	RM10 SETEL Baucar	2,700
3	1 Julai – 31 Julai 2025	RM10 SETEL Baucar	2,700

7. Pemilihan Pemenang

7.1 Hadiah Utama & Hadiah Pertama

- 7.1.1 Ahli Kad Yang Layak yang memenuhi Perbelanjaan Layak dalam Tempoh Kempen berpeluang memenangi Hadiah Utama dan Hadiah Pertama yang akan dipilih melalui program rawak Maybank selepas Tempoh Kempen berakhir.
- 7.1.2 Sekiranya Ahli Kad Yang Layak mempunyai lebih daripada satu (1) Kad Kredit/-i(s) Petronas Visa Maybank dan aktif berbelanja dengan kad-kad tersebut, semua Perbelanjaan Layak untuk kad-kad tersebut akan disatukan sebagai satu jumlah perbelanjaan.
- 7.1.3 Ahli Kad Yang Layak perlu membuat sekurang-kurangnya tiga (3) transaksi Petrol di mana-mana stesen Petronas sepanjang Tempoh Kempen.



7.2 Hadiyah Istimewa

- 7.2.1 Ahli Kad Yang Layak yang mengaktifkan semula Kad Kredit/-i(s) Petronas Visa Maybank mereka dalam Tempoh Kempen akan menerima RM10 SETEL Baucar berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat, terhad kepada 2,700 Ahli Kad Yang Layak pertama setiap bulan.
- 7.2.2 Ahli Kad Yang Layak perlu membuat sekurang-kurangnya satu (1) transaksi Petrol di mana-mana stesen Petronas sepanjang Tempoh Kempen.
- 7.2.3 Ahli Kad Yang Layak tidak boleh menerima lebih daripada satu (1) Hadiyah Istimewa sepanjang Tempoh Kempen.
- 7.2.4 Walaubagaimanapun, Ahli Kad Yang Layak masih berpeluang untuk memenangi Hadiyah Utama dan Hadiyah Istimewa berdasarkan perbelanjaan terkumpulnya sepanjang Tempoh Kempen.

8. Pemenuhan Hadiyah Kempen

- 8.1 Penjejakan Perbelanjaan Kelayakan adalah berdasarkan tarikh transaksi (waktu Malaysia) dan masa di mana transaksi berjaya disiarkan dalam sistem Maybank sepanjang Tempoh Kempen.
- 8.2 Pada masa pemberian hadiah, semua Ahli Kad Kredit/-i(s) Petronas Visa Maybank mestilah tidak tertunggak, dan/atau tidak sah atau dibatalkan. Jika tidak, Ahli Kad Yang Layak tersebut akan hilang kelayakan daripada menerima hadiah.
- 8.3 Pemenuhan hadiah akan dilaksanakan dalam tempoh dua belas (12) minggu dari tarikh tamat Kempen. Pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon atau melalui SMS ke nombor telefon bimbit atau emel yang telah didaftarkan dengan Maybank atau akan diumumkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau mana-mana kaedah komunikasi lain yang difikirkan sesuai oleh Maybank.

Contoh:

Kempen ini berakhir pada 31 Julai 2025, pemberian akan dilakukan dalam tempoh 12 minggu bermula dari 31 Julai 2025. Pemberian dijangka selesai selewat-lewatnya pada 23 Oktober 2025.

- 8.4 Untuk Hadiyah Utama, pemenang akan dihubungi oleh wakil Maybank di nombor telefon mudah alih yang didaftarkan atau direkodkan dalam sistem Maybank.



- 8.5 Sekiranya pemenang Hadiah Utama tidak boleh dihubungi selepas tiga (3) percubaan pada hari yang sama atas apa juu sebab dan/atau pemenang Hadiah Utama ingin menarik diri daripada Kempen apabila dihubungi oleh wakil Maybank, dia akan hilang kelayakan daripada Kempen.
- 8.6 Maybank akan menentukan kaedah pemberian Hadiah Utama, termasuk tetapi tidak terhad kepada, majlis penyampaian Hadiah Utama atau sebarang kaedah lain yang difikirkan munasabah oleh Maybank.
- 8.7 Sekiranya majlis penyampaian Hadiah Utama dilakukan, Pemenang Hadiah Utama dikehendaki menghadiri majlis tersebut. Sekiranya Pemenang Hadiah Utama tidak dapat menghadiri majlis tersebut, dia secara automatik akan hilang kelayakan dan tiada pampasan atau aturan akan dibuat.
- 8.8 Untuk menuntut Hadiah Utama, Pemenang dikehendaki mendaftar nombor pendaftaran kenderaan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (**“JPJ”**) dengan kos dan perbelanjaan sendiri sebelum majlis penyampaian Hadiah Utama di mana tarikh dan tempat akan ditentukan oleh Maybank mengikut budi bicaranya.
- 8.9 Pemenang hendaklah menanggung yuran pendaftaran kereta, cukai jalan, perlindungan takaful /insurans dan sebarang kos pelbagai lain yang berkaitan dengan Hadiah Utama kerana Maybank tidak akan bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kos untuk yuran pendaftaran kereta, cukai jalan, perlindungan takaful/insurans dan sebarang kos lain yang berkaitan dengan Hadiah Utama.
- 8.10 Liabiliti Maybank berkenaan dengan Hadiah Utama hanyalah untuk membayar harga belian kepada Peniaga. Hadiah Utama tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau jenis lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya. Maybank berhak untuk memilih warna Hadiah Utama, jika berkenaan. Visual Hadiah Utama yang digunakan dalam mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan Kempen adalah/hanya untuk tujuan ilustrasi dan mungkin tidak menggambarkan warna, model atau spesifikasi sebenar Hadiah Utama dan tidak termasuk sebarang aksesori pilihan.
- 8.11 Sekiranya peniaga tidak dapat membekalkan model Hadiah Utama yang sama seperti yang dinyatakan di sini kepada Maybank atas sebab-sebab yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada penarikan balik atau kerosakan peniaga, hilang atau dicuri semasa penyimpanan dan/atau penghantaran, Maybank berhak untuk menggantikan Hadiah Utama dengan



model lain yang sama atau hamper sama nilainya mengikut budi bicaranya dengan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender di laman web Maybank di www.maybank2u.com.my atau mana-mana kaedah lain yang difikirkan sesuai. Walaubagaimanapun, Maybank tidak bertanggungjawab untuk menggantikan Hadiah Utama apabila ia rosak atau dicuri selepas diserahkan kepada Pemenang.

- 8.12 Kemasukan Hadiah Utama dalam Kempen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai sebarang pengesahan atau pengesyoran Hadiah Utama oleh Maybank. Untuk sebarang pertikaian berkaitan kualiti atau waranti Hadiah Utama atau mana-mana Terma dan Syarat berkenaan dengannya, Pemenang hendaklah berurusan dengan peniaga secara langsung tanpa sebarang pertolongan dari Maybank. Maybank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang pelanggaran kualiti atau waranti Hadiah Utama atau mana-mana Terma dan Syarat berkenaan dengannya dan tidak akan melayan sebarang aduan dalam apa jua pun yang berkaitan dengan Hadiah Utama.
- 8.13 Pemenang hendaklah menanggung liabiliti dan tanggungjawab penuh sekiranya berlaku sebarang liabiliti, kemalangan, kecederaan, kerugian, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kecederaan diri dan/atau kematian) akibat penggunaan Hadiah Utama semasa penghantaran. Maybank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan, kerosakan atau kecederaan (termasuk kematian) dalam apa jua cara yang dialami oleh pemenang akibat penggunaan Hadiah Utama semasa penghantaran.
- 8.14 Hakmilik Hadiah Utama dan sebarang risiko ketidakupayaan untuk menggunakan, kehilangan atau kerosakan pada Hadiah Utama diserahkan kepada Pemenang selepas penghantaran Hadiah Utama atau jika Hadiah Utama digantikan dengan model lain, selepas penghantaran model tersebut.
- 8.15 Sebarang pertikaian yang timbul daripada Terma dan Syarat yang terpakai untuk Hadiah Utama tersebut mesti diselesaikan secara terus oleh pemenang dan peniaga. Maybank tidak bertanggungjawab untuk menyiasat atau menyelesaikan sebarang pertikaian antara pemenang dan peniaga dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan atau membatalkan sebarang penebusan akibat daripada pertikaian tersebut.
- 8.16 Pemilihan semua pemenang akan dilakukan setelah tamat Tempoh Kempen.
- 8.17 Berdasarkan urutan pemilihan program rawak Maybank, 15 Ahli Kad Yang Layak pertama yang disenarai pendek akan dianggap sebagai pemenang Hadiah Pertama.



- 8.18 Hadiah Istimewa berupa RM10 SETEL Baucar akan diberikan dalam bentuk e-baucar. E-baucar sah selama 3 bulan. Hadiah ini tidak boleh dipindah milik, ditukar dengan wang tunai atau kredit atau sebarang bentuk lain sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
- 8.19 E-Baucar akan dihantar melalui SMS atau e-mel kepada Pemenang. Pemenang perlu menebus e-Baucar melalui aplikasi SETEL pada telefon bimbit mereka. E-Baucar juga boleh ditebus di semua stesen PETRONAS di seluruh Malaysia.
- 8.20 Maybank **TIDAK** akan memberikan sebarang Hadiah gantian atau pengganti atau hadiah alternatif sekiranya Pemenang menolak Hadiah yang dihantar dan/atau meminta pilihan alternatif.

9. Terma-Terma Lain

- 9.1 Maybank berhak untuk membatalkan Ahli Kad Yang Layak daripada menyertai Kempen ini dan/atau menerima Hadiah, disebabkan kepada yang berikut:
- Di mana pembayaran minimum atau apa-apa jumlah perlu dibayar atau boleh dibayar di bawah Kad Kredit/-i(s) Petronas Visa Maybank. Ahli Kad Yang Layak tidak diselesaikan pada atau sebelum tarikh perlu dibayarnya;
 - Jika Kad Kredit/-i(s) Petronas Visa Maybank Ahli Kad Yang Layak dibatalkan, ditutup, atau ditamatkan atas apa-apa pun sebab, sama ada secara sukarela atau bukan sukarela pada atau sebelum pemberian penuh Hadiah; dan/atau
 - Jika Ahli Kad Yang Layak telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa salah laku, penipuan atau tindakan yang salah di sisi undang-undang.

10. Terma dan Syarat Umum

- 10.1 Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- 10.2 Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari (**“hari”** hendaklah mempunyai



maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Ahli Kad Yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.

- 10.3 Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara berkala bagi melihat Terma dan Syarat ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma dan Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- 10.4 Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad Yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my (**“Penyata Privasi Maybank”**) dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.
- 10.5 Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjaskan terma dalam Penyata Privasi Maybank dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Ahli Kad Yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:
 - i. tujuan Kempen; dan
 - ii. aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Ahli Kad Yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Nota: “PDPA” merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

- 10.6 Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungan terhadap Ahli Kad Yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau



berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuaian atau pengabaian melampau oleh Maybank.

- 10.7 Maybank tidak akan bertanggungan bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- 10.8 Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Ahli Kad Yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.
- 10.9 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Ahli Kad Yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my